

Jenis Akhbar : Bernama Online  
Tarikh : 04/07/2017  
Edisi / Muka Surat : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## Angkasa Peruntuk RM10 Juta Bina 10 Lagi Pusat Dialisis

TEMERLOH, 4 Julai (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk membuka 10 lagi Pusat Dialisis MyAngkasa di seluruh negara menjelang 2020.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pembukaan pusat itu di setiap negeri akan membantu lebih ramai pesakit yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan dengan kadar bayaran perkhidmatan yang lebih murah, berpatutan selain kemudahan pengangkutan dan makanan disediakan.

"Setakat ini Angkasa mempunyai empat Pusat Dialisis MyAngkasa iaitu di Alor Setar, Kedah; Kuching, Sarawak; Temerloh, Pahang, dan Johor Bahru, Johor melibatkan peruntukan RM4 juta.

"Tambahan pusat dialisis diperlukan memandangkan kajian mendapati seramai 3,000 pesakit baharu buah pinggang bertambah setiap tahun," katanya kepada pemberita selepas Majlis Aidilfitri Angkasa, Zon 2 Pahang di sini hari ini.

Abdul Fattah berkata Pusat Dialisis MyAngkasa Temerloh adalah yang pertama dimiliki sepenuhnya oleh Angkasa di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan dialisis kepada 30 pesakit setiap syif iaitu tiga kali sehari.

Beliau berkata, pihaknya berhasrat menambah 15 kerusi rawatan lagi dalam tempoh terdekat berbanding 12 kerusi rawatan pada masa kini bagi memberi ruang kepada lebih ramai pesakit kurang mampu mendapatkan rawatan di situ.

Sehingga kini terdapat 750 pusat dialisis dimiliki oleh syarikat swasta, yayasan, dan pertubuhan bukan kerajaan dengan jumlah pesakit seramai 40,000 di seluruh negara.

"Kami galakkan lebih banyak penglibatan koperasi dalam menyediakan perkhidmatan dialisis ini kerana potensi yang ada berikutan bilangan pesakit yang ramai berbanding pusat dialisis yang ada," katanya.

-- BERNAMA